

Syor jabatan khas kaji Perkara 153

BH - 11/6/2007

Hak istimewa orang Melayu, Bumiputera perlu terus dipertahankan: Abdul Aziz

Oleh Abdul Razak Raaff, Mohd Azis Ngah, Norakmah Mat Youb

KUALA LUMPUR: Kerajaan digesa menubuhkan satu jabatan khas bagi meneliti Perkara 153 Perlembagaan Malaysia untuk digunakan sepenuhnya bagi membantu orang Melayu dalam bidang ekonomi.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata Perkara 153 itu memaktubkan hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera bagi memelihara kedudukan mereka di negara sendiri.

"Perkara ini perlu diperkemas supaya tidak boleh disentuh dan hidup selama-lamanya dalam Perlembagaan. Apabila kita sudah ada keistimewaan ini mengapa tidak digunakannya dengan sebaiknya untuk membangunkan orang Melayu?"

"Kita sedia maklum, bangsa lain

“ Kita tidak rebut harta orang bukan Melayu. Kita uruskan mengikut hak kita. Orang lain tidak boleh marah ”

Abdul Aziz Abdul Rahman
Bekas Ketua Pegawai Eksekutif
Penerbangan Malaysia

tidak bersetuju dengan Perkara 153 itu tetapi kita yang memang mempunyai keistimewaan itu tidak berbuat apa-apa, rugilah. Kita tidak mengambil harta orang lain," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'Legasi Tun Abdul Razak kepada Agenda Pembangunan Ekonomi Bumiputera' pada persidangan Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara, di sini, semalam.


Beliau mencadangkan kerajaan dapat memfokuskan pada Perkara 153 dengan meneliti segala perkataan yang ada dalam perkara berkenaan untuk memajukan orang Melayu terutama dalam bidang ekonomi.

"Banyak bidang perniagaan yang boleh diwujudkan jika kita meneliti Perkara 153. Itu hak orang Melayu. Kita tidak rebut harta orang bukan Melayu. Kita uruskan mengikut hak kita. Orang lain tidak boleh marah," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu menimbang cadangan itu supaya keistimewaan itu tidak tinggal hanya di atas kertas semata-mata.

"Kita perlu susun untuk orang Melayu. Tidak boleh serahkan bulat-bulat kepada mereka. Orang Melayu tidak ada keupayaan, tidak ada modal, tidak ada kepakaran, tidak ada *networking*. Kerajaan perlu bimbing dengan menggunakan kuasa istimewa yang kita ada iaitu Perkara 153.

"Saya tidak katakan orang Melayu tidak boleh berdiri dengan kaki sendiri tetapi mereka perlu ikhtiar dan di-



PERCAMBAHAN ILMU: Khairi (kiri) dan Setiausaha Politik Menteri Kewangan Kedua merangkap Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda Umno, Datuk Reezal Merican Naina Merican (kanan) bernesra dengan penceramah dari kiri Tunku Shariman, Pengarah CIMB Bank, Tan Sri G K Rama Iyer, Abdul Aziz dan Rais selepas selesai pembentangan Seminar Legasi Tun Razak Kepada Pembangunan Negara, di Kuala Lumpur, semalam.

bantu. Ada orang Melayu sudah maju tetapi hanya segelintir saja," katanya.

Sementara itu, Penyelidik Institut Chr. Michelsen Bergen Norway, Dr Rais Saniman, berkata ahli akademik di negara ini disaran menjalankan kajian bagi mengubah persepsi serong orang ramai terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang sebenarnya memberikan keuntungan kepada semua rakyat.

Beliau berkata, tanggapan serong

yang masih tidak dibetulkan sehingga kini terhadap dasar dicetuskan Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak itu menyebabkan ia menjadi kontroversi.

"Sepatutnya DEB ini dikaji semula. Ia memberi banyak faedah. Dalam DEB ini ada tujuh elemen bukan hanya dua seperti diperkatakan. Jadi, orang bukan Melayu apabila mendengar dasar itu banyak memberi-

kan kelebihan kepada Melayu tentulah mereka tidak setuju.

"Dulu ia dilaksanakan dengan strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dengan memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi," katanya.